

Program Menjana Jurutera Glokal III Capai Matlamat

Universiti Malaysia Perlis bersama rakan medianya, Utusan Malaysia melalui akhbar sisipan Tutor, meneruskan kesinambungan penganjuran program Menjana Jurutera Glokal Siri Ketiga yang berlangsung dengan jayanya pada 21 hingga 24 Ogos lalu. Program ini yang disertai oleh 100 pelajar dari lapan buah sekolah di sekitar negeri Perlis dan Kedah membabitkan beberapa pendekatan unik dalam usaha menyuntik minat pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari aliran Sains terhadap bidang kejuruteraan. Tidak ketinggalan, pelajar turut didedahkan dengan kelas-kelas tambahan membabitkan subjek-subjek Sains seperti Fizik, Kimia, Matematik, Lukisan Kejuruteraan dan Matematik Tambahan yang turut meliputi cara mudah menjawab soalan peperiksaan SPM kelak. Aktiviti yang paling menyeronokkan para pelajar tentunya aktiviti mencipta roket menggunakan bahan-bahan mudah diperolehi antaranya botol plastik minuman, plastik sampah dan air. Program Menjana Jurutera Glokal III ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff yang mewakili Naib Canselor UniMAP.

